



PERAK

# UCAPAN **BAJET**

# 2017

PERTUMBUHAN DAN KESEJAHTERAAN



OLEH

**YAB DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR**  
**MENTERI BESAR PERAK**

PADA

**SELASA, 15 NOVEMBER 2016**

KETIKA MEMBENTANGKAN  
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2017

MEMBAWA USUL  
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN 2017

Yang Berhormat Yang Dipertua dan Ahli-Ahli Dewan Negeri,

Saya mohon izin untuk membawa usul-usul berikut:

**Pertama:**

**Mengusulkan bahawa Rang Undang-undang yang dinamakan “Suatu Enakmen Bagi Menggunakan Sejumlah Wang Daripada Kumpulan Wang Disatukan Untuk Perkhidmatan Bagi Tahun 2017, dan Bagi Memperuntukkan Wang Itu Untuk Perkhidmatan Bagi Tahun Itu” dibacakan bagi kali kedua.**

**Kedua:**

**Mengusulkan butir-butir dalam penyata yang dibentangkan sebagai “Kertas Dewan Bilangan 37 Palang 2016”, adalah dengan ini diumumkan menjadi tujuan yang mana Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 itu boleh digunakan. Bahawa perbelanjaan sejumlah wang sebanyak empat ratus satu juta, tujuh ratus enam puluh lapan ribu ringgit (RM401,768,000) yang ditunjukkan dalam penyata tersebut adalah dengan ini diluluskan bagi tahun 2017. Seterusnya jumlah wang yang ditunjukkan berhadapan dengan tiap-tiap butir dalam penyata itu, adalah dengan ini diperuntukkan bagi maksud-maksud yang ditetapkan.”**

Dengan Nama Allah yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasihani

Firman Allah Subhanahuwa Taala yang bermaksud

*"Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwah, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (ayat-ayat Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan".*

**Al A'raf 7:96**

## **PENDAHULUAN**

1. Pertamanya, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah, Tuhan seru sekalian alam, kerana atas riayah dan inayah-Nya, hari ini dapat kita sama-sama bersidang, dalam mencari muafakat di Dewan Negeri yang mulia ini.
  
2. Pada kesempatan ini juga, marilah kita semua merafak sembah tahniah, Ke Bawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al Maghfur-Lah, sempena Hari Keputeraan baginda yang Ke-60. Dirgahayu Tuanku.
  
3. Rekod bajet Negeri Perak sejak 2010 sehingga 2015 menunjukkan:
  - Peruntukan pembangunan untuk kesejahteraan rakyat semakin meningkat; dan
  
  - Kadar pertumbuhan ekonomi negeri juga amat memberangsangkan, iaitu bagi tempoh 2012 hingga 2014 dengan purata 5.8 peratus mengatasi purata pertumbuhan nasional sebanyak 5.4 peratus. Manakala bagi tahun 2015, Perak mencatat pertumbuhan 5.9 peratus berbanding nasional 5.0 peratus.

4. Bagi saya ini adalah hasil perancangan dan pelaksanaan yang berkesan melibatkan kerjasama semua pihak. Di pihak kerajaan dan pentadbiran, ia memastikan perancangan dilaksanakan sebaik mungkin. Manakala di pihak kita sebagai Ahli Dewan pula memainkan peranan semak dan imbang (**check and balance**) bagi memastikan rakyat yang kita wakili beroleh manfaat daripada bajet yang dibentangkan. Saya amat menghargai sumbangan dan peranan semua pihak, dalam menjadikan Perak Darul Ridzuan makmur dan sejahtera.
5. Bajet 2017 yang dibentangkan pada persidangan Dewan Negeri kali ini adalah merupakan belanjawan tahun kedua di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).
6. Sehingga 23 Oktober 2016, *Rolling Plan* Pertama (RP1), RMKe-11, Kerajaan Negeri telah menerima peruntukan pembangunan dari Kerajaan Persekutuan sebanyak **Satu Ribu, Dua Puluh Tiga, Perpuluhan Sembilan Empat Juta Ringgit (RM1,023.94 juta)**. Daripada jumlah berkenaan RM927.08 juta melibatkan 300 projek fizikal dan RM96.86 juta melibatkan 31 projek bukan fizikal.

7. Daripada jumlah tersebut, peratus perbelanjaan bagi Negeri Perak sehingga 23 Oktober 2016 adalah sebanyak RM 440.69 juta bersamaan 43.04 peratus.

**Yang Berhormat Yang Dipertua,**

8. Melangkah masuk ke tahun hadapan, persediaan dan perancangan lebih rapi diperlukan dalam Bajet 2017. Ini bagi memastikan pertumbuhan ekonomi diperkasakan, serta agenda menyejahterakan rakyat dapat diteruskan.

9. Ekonomi negara berhadapan dengan persekitaran yang tidak menentu dan situasi ini berada di luar kawalan kita. Antaranya:

- Kelembapan kuasa-kuasa besar ekonomi dunia mengakibatkan pertumbuhan perlahan ekonomi antarabangsa pada kadar 3.1 peratus bagi tahun 2016 berbanding 3.2 peratus pada 2015;
- Ketidakstabilan harga minyak dan pasaran kewangan antarabangsa;
- Harga komoditi yang terus rendah; dan
- Terbaru kesan daripada Brexit dan keputusan pemilihan Presiden Amerika Syarikat.

10. Namun Alhamdulillah, berdasarkan pencapaian Negeri Perak seperti yang telah saya sebutkan, kita dapat meniti cabaran-cabaran berkenaan, sehingga kini. Malah semua sektor ekonomi di dalam negeri mencatatkan pertumbuhan positif seperti berikut:

- i) **Sektor Perkhidmatan** kekal mendominasi ekonomi Negeri Perak, dengan jumlah KDNK melebihi 60 peratus, bernilai RM34.85 bilion. Peningkatan sebanyak 6.4 peratus berbanding tahun 2014 (RM32.75 bilion) di mana ia terus kukuh disokong oleh Subsektor Utiliti.
- ii) Peningkatan juga dicatat dalam **Sektor Pertanian** dengan kenaikan 6.2 peratus berbanding tahun 2014 kepada RM10.05 bilion. Subsektor Kelapa Sawit serta pemulihian subsektor Getah telah menyokong dan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sektor pertanian.
- iii) **Sektor Pembuatan** dan **Sektor Pembinaan** turut menunjukkan peningkatan sebanyak 5.6 peratus dan 4.7 peratus berbanding tahun sebelumnya, dengan masing-masing menyumbang RM10.62 bilion dan RM2.20 bilion.

11. Di samping pencapaian sektor ekonomi yang memberangsangkan, pelaburan di Negeri Perak juga mencatatkan angka yang menggalakkan. Daripada keseluruhan komitmen pelaburan yang dibuat, hampir 75 peratus berjaya dilaksanakan dan menjadikan Perak antara negeri tertinggi melaksanakan komitmen pelaburan.
12. Sektor Industri Pembuatan telah mencatatkan komitmen pelaburan sebanyak RM2.16 bilion yang direkodkan sepanjang tempoh Januari hingga Jun 2016. Daripada jumlah tersebut, RM1.51 bilion disumbangkan oleh pelaburan domestik, manakala baki RM0.65 bilion adalah daripada pelaburan asing. Sebanyak 4,146 jumlah pekerjaan ditawarkan di Negeri Perak hasil daripada pelaburan tersebut.
13. Industri berasaskan getah menyumbang 38 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan, bersamaan dengan RM0.81 bilion nilai pelaburan. Ini diikuti oleh sektor Elektrik dan Elektronik sebanyak RM0.52 bilion dan sektor Peralatan Pengangkutan, RM0.44 bilion. Ketiga-tiga sektor ini terus kekal sebagai peneraju sektor pembuatan, di mana sumbangan kepada Negeri Perak bagi sektor pembuatan melebihi 40 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan bagi tempoh 2011 hingga 2015, iaitu sebanyak RM4.77 bilion.

14. Justeru itu, Kerajaan Negeri komited dalam mewujudkan suasana mesra pelabur di Negeri Perak, baik daripada aspek penyediaan infrastruktur asas di kawasan-kawasan perindustrian, mahupun meningkatkan hubungan baik di antara sektor awam dan swasta. Ini adalah bagi memastikan Negeri Perak kekal relevan dalam pasaran yang semakin kompetitif.
15. Dengan momentum yang baik, hasil kerjasama daripada sektor awam dan swasta, Kerajaan Negeri yakin mampu mencapai sasaran pelaburannya bagi tahun 2016, sekurang-kurangnya RM2.9 bilion dan menjadikan Negeri Perak antara tumpuan pelabur-pelabur untuk mengembangkan perniagaan.

**Yang Berhormat Yang Dipertua,**

**BAJET TAHUN 2017**

16. Bagi Bajet Tahun 2017, adalah berdasarkan unjuran hasil dan terimaan pembangunan, sebanyak **Satu Bilion, Tujuh Puluh Lapan Juta, Tiga Ratus Tujuh Puluh Tiga Ribu, Lapan Ratus Tiga Puluh Empat Ringgit (RM 1,078,373,834)** disediakan, dengan pecahan:
  - **Satu Bilion, Empat Puluh Dua Juta, Tiga Ratus Tujuh Puluh Tiga Ribu, Lapan Ratus Tiga Puluh Empat Ringgit (RM 1,042,373,834)** daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil; serta

- **Tiga Puluh Enam Juta Ringgit (RM 36,000,000)** daripada Terimaan Pembangunan.
17. Daripada jumlah berkenaan:
- **Lapan Ratus Enam Juta, Dua Ratus Lapan Puluh Lima Ribu Ringgit (RM806,285,000)** diperuntukkan untuk Anggaran Perbelanjaan Mengurus tahun 2017. Ia terdiri daripada **RM 341.94** juta bagi perbelanjaan Emolumen, **RM 253.25** juta bagi Perkhidmatan dan Bekalan, **RM 12.46** juta bagi Pembelian Aset, **RM 196.23** juta untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap serta **RM 2.40** juta untuk lain-lain perbelanjaan.
  - Peruntukan Pembangunan tahun 2017 pula disediakan sebanyak **Empat Ratus Satu Juta, Tujuh Ratus Enam Puluh Lapan Ribu Ringgit (RM 401,768,000)** dengan sektor sosial dan kesejahteraan rakyat menerima agihan tertinggi iaitu **RM 304.17** juta, diikuti infrastruktur berjumlah **RM 79.0** juta dan **RM 18.6** juta untuk sektor ekonomi.

18. Dengan mengambil kira unjuran Hasil dan Terimaan Pembangunan serta Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan, Bajet Negeri Perak Tahun 2017 diunjurkan sebagai bajet defisit sebanyak **Satu Ratus Dua Puluh Sembilan Juta, Enam Ratus Tujuh Puluh Sembilan Ribu, Satu Ratus Enam Puluh Enam Ringgit (RM129,679,166)**.

### **BAJET 2017: PERTUMBUHAN DAN KESEJAHTERAAN**

19. Bertemakan **Bajet 2017: Pertumbuhan dan Kesejahteraan**, Bajet Tahun 2017 ini dirangka berteraskan tanggungjawab dan komitmen Kerajaan Negeri bagi melonjakkan pertumbuhan ekonomi demi menjaga kepentingan dan kesejahteraan rakyat.
20. Maka dalam memastikan **pertumbuhan ekonomi** yang konsisten dan berterusan, kaedah serta proses pelaksanaan merupakan instrumen penting yang perlu diberi perhatian.
21. Bermatlamatkan **Pertumbuhan dan Kesejahteraan**, Bajet Tahun 2017 akan memastikan kesinambungan pembangunan dapat terus dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri demi kesejahteraan rakyat Negeri Perak.

**Yang Berhormat Yang Dipertua,**

22. Dalam usaha memperkasakan **PERTUMBUHAN EKONOMI**, Kerajaan Negeri mengorak beberapa langkah yang diharapkan dapat mengekalkan kadar pertumbuhan dan kerancakan ekonomi negeri.
23. Antaranya, Kerajaan Negeri akan menggerakkan kembali **MAJLIS TINDAKAN EKONOMI NEGERI (MTEN)**. MTEN akan bertindak sebagai badan penasihat yang efektif dan proaktif, serta bertanggungjawab dalam merangka strategi, bagi menghadapi cabaran ekonomi yang sentiasa berada dalam ketidaktentuan akibat faktor-faktor luar.
24. Selain daripada itu, MTEN juga akan berperanan memastikan sektor ekonomi yang perlu digerakkan pada kadar segera, di samping memilah program kesejahteraan rakyat yang perlu diutamakan. Ini termasuklah memberi penekanan khusus kepada pembangunan perumahan kos rendah dengan menyediakan peruntukan bagi pembangunan projek di bawah maksud berkenaan.

25. Untuk itu, bagi tahun 2017, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan **RM 100.0 juta** kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negeri (MTEN) yang bersifat *Rolling Plan* dengan memberikan fokus kepada pembangunan:

- Pertamanya : Sektor Perumahan yang sebahagian besarnya kepada perumahan rakyat;
- Keduanya : Melengkapkan rangkaian infrastruktur kawasan perindustrian;
- Ketiganya : Menangani kos sara hidup rakyat seperti bantuan makanan dan Kedai Bergerak 1Amanjaya;
- Keempatnya : Galakan Pelancongan Sempena Tahun Melawat Perak 2017; dan
- Lain-lain Projek pembangunan strategik yang boleh memacu kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan kesejahteraan rakyat.

Kesemua peruntukan di bawah MTEN ini adalah tambahan kepada peruntukan Bajet 2017 mengikut sektor yang telah dinyatakan.

### **Sektor Pelancongan**

26. Pada tahun 2015, sektor pelancongan merupakan penyumbang pertumbuhan ekonomi yang ketiga selepas sektor pembuatan dan pertanian.
27. Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia dan *Tourism* Malaysia, Perak mencatatkan kedatangan pelancong domestik tertinggi di Malaysia bagi empat tahun berturut-turut, dengan 5.67 juta pelancong pada 2012 melonjak kepada 7.96 juta pelancong pada tahun 2015.
28. Justeru, usaha Kerajaan Negeri melancarkan Tahun Melawat Perak 2017 yang bertemakan *World of Wonders (Dunia Ketakjuban)* menyasarkan untuk menarik 8 juta pelancong. Pelbagai program dan aktiviti promosi pelancongan telah dirancang untuk dilaksanakan bermula pada tahun ini. Antaranya, *International Run*, *Ipooh International Waiters Race* dan *Ipooh Cycle Fest*.
29. Selain itu, kerajaan akan memastikan produk-produk pelancongan ditambah nilai, bagi mencapai tahap yang memberi keselesaan serta menjadi daya tarikan kepada pelancong domestik dan antarabangsa.

30. Selain rekod tertinggi kunjungan pelancong domestik, Negeri Perak turut memperoleh pengiktirafan daripada buku panduan pelancongan terkemuka dunia *Lonely Planet*, yang meletakkan Bandaraya Ipoh diiktiraf sebagai tempat keenam daripada 10 tempat pelancongan yang terbaik di Asia.
31. Penerbitan ini juga meletakkan Perak antara 10 destinasi dunia yang mesti dilawati dalam *Best In Travel 2017*.
32. Pengiktirafan ini memberikan kesan besar kepada sosioekonomi Negeri Perak. Pelbagai peluang dan ruang perlu direbut oleh masyarakat dan agensi utama di negeri ini, khususnya dalam :
  - Sektor pengangkutan, pengusaha makanan, kraf tangan dan kompleks membeli belah.
  - Di samping mewujudkan pertumbuhan ekonomi yang lebih baik termasuk melalui pertukaran mata wang asing.

33. Bagi melonjakkan lagi industri pelancongan, agar sumbangannya kepada pertumbuhan ekonomi negeri dapat dilipatgandakan, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan turut merangka Pelan Eko-Pelancongan Kebangsaan 2016 hingga 2025 yang memfokuskan kepada 5 teras iaitu :
- (i) Pelaburan di kawasan Eko-Pelancongan;
  - (ii) Konsesi pelancongan di Taman-Taman Negara / Taman-Taman Negeri;
  - (iii) Sinergi di antara Eko-Pelancongan dan pemeliharaan;
  - (iv) Pemasaran destinasi Eko-Pelancongan; dan
  - (v) Kluster pembangunan Eko-Pelancongan.
34. Bagi merealisasikan hasrat ini, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan **RM 10.0 juta** untuk sektor pelancongan bagi tahun 2017 ini. Di samping peruntukan tersebut, sebanyak **RM 2.5 juta** turut disediakan untuk sukan pelancongan bagi tahun 2017. Peruntukan ini adalah bertujuan untuk menganjurkan acara-acara sukan yang dapat menarik kedatangan pelancong ke Negeri Perak.
35. Marilah kita bersama-sama melaksanakan tanggungjawab sebagai warga Negeri Perak mengalu-alukan para pelancong ke negeri ini, bersempena Tahun Melawat Perak 2017. Hulurkan kemesraan, serlahkan kesantunan dan pelihara kebersihan persekitaran, agar

pengalaman mengunjungi Perak akan meninggalkan kenangan manis kepada para pelancong.

36. Dalam menyemarakkan lagi sektor pelancongan, Kerajaan Negeri komited dengan cadangan pembangunan **Geopark Lembah Kinta**. Kajian dan penyelidikan terperinci serta penyediaan *dossier* berkaitan maklumat geologi, flora, fauna, warisan sejarah serta budaya di kawasan berkenaan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Mineral dan Geosains. Kajian ini dijangka selesai pada awal tahun 2017 untuk diangkat kepada Jawatankuasa Penilaian Geopark Kebangsaan, untuk mendapatkan status Geopark Kebangsaan. Untuk itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM 0.5 juta** bagi maksud **Geopark Lembah Kinta**.

### **Sektor Pembangunan Bandar**

37. Kerajaan juga sedar pembangunan bandar merupakan salah satu inisiatif yang perlu digerakkan dalam melonjakkan pertumbuhan ekonomi negeri. Pembangunan Wilayah Perak Selatan (WPS), yang membabitkan perancangan yang holistik dan komprehensif telah dilaksanakan dengan mewujudkan projek-projek utama yang bakal memberi impak positif kepada pembangunan sosio-ekonomi setempat.

38. Salah satu projek utama yang bakal dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri, melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk) adalah pembangunan bandar baru di Daerah Bagan Datoh yang dikenali sebagai *Bagan Datoh Water City (BDWC)*. Pembangunan ini meliputi kawasan seluas kira-kira 4,100 ekar dan terletak kira-kira 8 kilometer dari Pekan Bagan Datoh sedia ada. Ia akan dibangunkan sebagai sebuah pembangunan bercampur yang berkonsep hijau dan mapan serta bakal menyokong pembangunan *Perak Heavy Industrial Park (PHIP)*, sebuah pembangunan perindustrian berintegrasi.
  
39. Fasa 1 pembangunan ini akan dibangunkan di atas kawasan seluas 240.3 ekar, dengan pembangunan institusi yang akan menempatkan 12 projek institusi kerajaan iaitu Kompleks Pentadbiran Daerah Bagan Datoh, Kompleks Pejabat Kerajaan Persekutuan, Masjid Daerah, Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan, Perumahan FELCRA, Hotel Seri Malaysia, Ibu Pejabat Polis Daerah, Balai Bomba, Pejabat Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Projek Perumahan Rakyat, Kem Askar Wataniah dan Pusat Latihan Khidmat Negara.

40. Bagi merancakkan pembangunan di Daerah Bagan Datoh, Kerajaan Persekutuan di bawah *Rolling Plan 1 (RP1)* RMKe-11 telah meluluskan **RM 613.76 juta** melibatkan 6 projek yang kini di dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Projek-projek berkenaan adalah:
- (i) Kompleks Sukan Bagan Datoh – **RM 31.0 juta.**
  - (ii) MRSM Bagan Datoh – **RM 110.0 juta.**
  - (iii) Penempatan semula Pusat Giat MARA Bagan Datoh – **RM 7.78 juta.**
  - (iv) Membina Jambatan Bagan Datoh ke Kampung Sejagop – **RM 350.0 juta.**
  - (v) Naik taraf laluan FT69 Simpang Empat ke Bagan Datoh – **RM 106.0 juta;** dan
  - (vi) Penutupan muara Parit A dan B, bagi pengawalan hakisan di Sungai Belukang, Bagan Datoh – **RM 8.98 juta.**

### **Sektor Perindustrian**

41. Kerajaan Negeri sentiasa mengambil inisiatif menyediakan infrastruktur yang terbaik terutama di kawasan-kawasan perindustrian. Ini bagi memastikan sektor perindustrian turut memacu pertumbuhan ekonomi negeri. Antara inisiatif tersebut ialah Projek Sambungan Paip Gas Asli dari Ayer Tawar, Daerah Manjung ke Lembah Kinta.

42. Projek yang menelan belanja **RM 180.0 juta** ini dibiayai melalui kerjasama tiga pihak iaitu, Kerajaan Persekutuan dengan peruntukan **RM 50.0 juta**, Kerajaan Negeri **RM 10.0 juta**, dan Syarikat Gas Malaysia **RM 120.0 juta**.
43. Projek yang telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU) ini, akan dimulakan pada awal tahun 2017 dan dijangka mengambil masa 24 bulan untuk disiapkan. Sebagai komitmen awal kerajaan negeri, sejumlah **RM 5.0 juta daripada RM 10.0 juta** peruntukan negeri telah pun disediakan bagi maksud tersebut. Diharapkan, dengan pelaksanaan projek ini, ia akan menarik lebih banyak lagi pelaburan ke Negeri Perak.
44. Selain kemudahan infrastruktur, sebagai insentif bagi menarik lebih ramai pelabur ke Negeri ini, Kerajaan Negeri menawarkan **remisyen sebanyak 25 peratus daripada kadar premium** yang dikenakan bagi maksud **pelupusan tanah kerajaan atau tukar syarat tanah bagi tujuan pembangunan industri dan perumahan**. Insentif ini akan dilaksanakan bagi tempoh dua tahun bermula **Januari 2017 sehingga Disember 2018**.

## **Sektor Perhutanan**

45. Negeri Perak diliputi seluas **1.02 juta hektar** kawasan berhutan iaitu **48.61 peratus** daripada jumlah keluasan tanah negeri. Sehingga 30 September 2016, seluas **satu juta hektar** atau **97.63 peratus** telah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang diurus berdasarkan amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (*Sustainable Forest Management – SFM*). Berdasarkan pencapaian ini, Negeri Perak merupakan negeri yang telah berjaya mengekalkan peratusan HSK tertinggi berbanding negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia.

46. Bagi merancakkan pembangunan perhutanan, sebanyak **RM 6.0 juta** disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 2017. Jumlah ini meliputi pengurusan sumber hutan, hutan masyarakat, pembangunan hutan asli, eko-pelancongan dan hutan lipur, pengurusan sumber bukan kayu serta infrastruktur dan kemudahan.

## **Sektor Pertanian**

47. Pelaksanaan Pembangunan Sektor Pertanian adalah bertujuan meningkatkan jaminan bekalan makanan (*food security*) melalui transformasi pertanian kepada pengeluaran komersil, meningkatkan

produktiviti dan daya saing sektor pertanian melalui pemindahan teknologi, mengeratkan rantaian di antara sektor pertanian dengan sektor lain, mewujudkan sumber pertumbuhan baru bagi sektor pertanian serta memulihara dan mengguna sumber asli secara lestari.

48. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, Jabatan Pertanian telah menggariskan beberapa program bagi memperkasakan sektor pertanian. Selain itu, usaha juga dibuat bagi meningkatkan pengeluaran hasil pertanian, yang antaranya:
  - Pembangunan Industri Padi sebagai negeri pengeluar padi yang kedua tertinggi di Malaysia;
  - Meningkatkan pengeluaran buah-buahan. Sehingga kini Perak merupakan pengeluar keempat terbesar buah-buahan di Malaysia, dengan keluasan tanaman **7,094.46 hektar**, menghasilkan pengeluaran sebanyak **55,785.97 metrik tan** dengan nilai pengeluaran, **Satu Ratus Lima Puluh Tiga Juta, Lapan Puluh Empat Ribu, Sembilan Ratus Tiga Puluh Enam Ringgit (RM 153,084,936)**. Pembangunan kluster buah-buahan akan ditumpukan kepada Daerah Larut Matang dan Selama, Hulu Perak, Kuala Kangsar, Batang Padang dan Manjung.

- Meningkatkan pengeluaran Sayur-sayuran & Tanaman Singkat Masa. Sehingga kini keluasan yang terbabit di Negeri Perak adalah **3,505 hektar dengan pengeluaran 52,533.57 metrik tan** dan nilai pengeluarannya mencecah **Satu Ratus Dua Juta, Lapan Ratus Lima Puluh Ribu, Tiga Puluh Dua Ringgit (RM 102,850,032)**, menjadikan Negeri Perak, pengeluar ketiga terbesar. Ini meliputi kawasan-kawasan seperti Daerah Kinta, Batang Padang dan Manjung.
  - Meningkatkan pengeluaran kelapa, sesuai dengan kedudukan Perak sebagai pengeluar yang ketiga terbesar di Malaysia, dengan tumpuan di Daerah Hilir Perak dan kawasan-kawasan lain.
  - Mengembangkan Industri Komoditi Berpotensi seperti projek tanaman cendawan, tanaman herba, rempah ratus dan industri madu (lebah dan kelulut) dan Industri Florikultur. Tumpuan di kawasan Daerah Kuala Kangsar, Manjung dan Perak Tengah.
49. Bagi memastikan perancangan berkenaan dapat direalisasikan, sebanyak **RM 6.6 juta** disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk tahun 2017 kepada Jabatan Pertanian Negeri. Ini sebagai tambahan kepada peruntukan Kerajaan Persekutuan khususnya bagi program

Taman Kekal Pengeluaran Makanan. Diharapkan perancangan dan usaha ini bukan sahaja dapat menjamin bekalan makanan tetapi turut membangunkan masyarakat tani dan usahawan.

### **Sektor Penternakan**

50. Peruntukan **RM 5.0 juta** disediakan pada tahun 2017 untuk program dan aktiviti sektor penternakan. Ini meliputi pembangunan empat projek utama iaitu;
  - i. Pembangunan Industri Ruminan dan Pengeluaran Makanan Ternakan;
  - ii. Pembangunan Industri Bukan Ruminan;
  - iii. Pembangunan Perkhidmatan Veterinar; dan
  - iv. Pembangunan Kesihatan dan Kawalan Penyakit Ternakan serta Zoonotik.

### **Sektor Perikanan**

51. Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan **RM 1.0 juta** bagi tahun 2017 iaitu peningkatan **RM 0.65 juta** untuk tujuan pembangunan ikan hiasan, pengurusan sumber perikanan darat dan pembinaan Pusat Konservasi Penyu di Segari, Manjung.

52. Peruntukan tersebut digunakan bagi tujuan peningkatan kualiti ikan hiasan untuk memenuhi keperluan eksport ke Negara Kesatuan Eropah, Australia dan Amerika Syarikat serta peningkatan kesedaran biosekuriti ikan hiasan dan akuakultur bagi tujuan kawalan penyakit, juga pematuhan standard persijilan. Ini bagi memastikan Negeri Perak terus menjadi negeri pengeluar utama ikan hiasan di Malaysia.

### **Pengupayaan People Economy**

53. Kerajaan Negeri komited untuk meneruskan program berbentuk *human-centric* (Berteraskan Keinsanan) melalui Yayasan Bina Upaya (YBU) dengan menyediakan kemudahan pinjaman mikro kredit dan Kiosk Amanjaya kepada golongan yang berkelayakan. Seramai **4,505 orang peminjam** telah mendapat manfaat langsung daripada kemudahan mikro kredit sejak ia diperkenalkan pada 2010 sehingga Oktober 2016. Manakala **692 telah menerima** bantuan Kiosk Amanjaya bagi tempoh 2014 sehingga Oktober 2016.
54. Inisiatif yang berkonsepkan 'Tiada Tertinggal Tiada Terpinggir' ini, diteruskan oleh Kerajaan Negeri dengan memperuntukkan **RM 6.0 juta** bagi tahun 2017 dengan agihan peruntukan seperti berikut:-

- (i) **RM 4.0 juta** bagi Program Mikro Kredit;
- (ii) **RM 1.0 juta** bagi Program Mikro Kredit Belia Amanjaya; dan
- (iii) **RM 1.0 juta** bagi Kiosk Amanjaya.

**Yang Berhormat Yang Dipertua,**

55. Kerajaan terus komited dalam memantapkan sektor **PENTADBIRAN dan PENGURUSAN**, dengan memastikan tadbir urus penyampaian Perkhidmatan Awam negeri sentiasa efisien dan efektif. Pewujudan jabatan dan daerah baru juga dilaksanakan, agar penyampaian Kerajaan sentiasa mendahulukan keperluan rakyat.
56. Untuk makluman Ahli Dewan, mulai tahun 2017 Bahagian Pendakwaan, Jabatan Agama Islam Perak akan dinaiktaraf menjadi Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri. Perubahan ini adalah bertujuan untuk memantapkan pentadbiran dan pengurusan pendakwaan syariah. Bagi memulakan operasi jabatan ini, peruntukan mengurus **RM 1.34 juta** disediakan untuk tahun 2017.
57. Kerajaan Negeri juga telah meluluskan penubuhan daerah yang kedua belas iaitu Daerah Bagan Datoh. Daerah ini meliputi Mukim Bagan Datoh, Mukim Rungkup, Mukim Hutan Melintang dan Mukim Teluk Bharu. Pewujudan daerah baru ini bertujuan untuk

menyeimbangkan pembangunan di seluruh pelusuk negeri. Bagi melaksanakan operasi sebagai sebuah Pejabat Daerah dan Tanah baru, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM 2.6 juta** untuk tahun 2017.

### **Pembudayaan Inovasi**

58. Dalam menambah baik proses perkhidmatan dan mencari penyelesaian kepada masalah penyampaian perkhidmatan, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah inovatif dengan:

- Mewujudkan *Command Centre* bagi penguatkuasaan pencerobohan pemindahan bahan batu dan mineral ke luar Negeri Perak, melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). Dengan pelaksanaan *Command Centre* ini, kes kecurian pasir dapat dikurangkan daripada 509 kes kepada 120 kes. Selain itu ia turut digunakan untuk tujuan-tujuan lain seperti koordinasi pengurusan banjir dan bencana alam.

59. Hasil daripada beberapa inovasi yang dilaksanakan, ia telah membawa kepada kejayaan, sebagai contoh Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) menjadi Pihak Berkuasa Tempatan pertama di Malaysia yang

memperolehi pensijilan pematuhan *Standard Accounting System for Government Agencies* (SAGA).

### **Bantuan Khas**

60. Kerajaan Negeri meneruskan bantuan pada tahun 2017 bagi memantapkan institusi pentadbiran di peringkat tempatan dengan agihan seperti berikut:-
  - a. **RM 4.15 juta** bagi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) bagi Kampung Tradisional;
  - b. **RM 0.26 juta** bagi JKKK Kampung Baru; dan
  - c. **RM 2.83 juta** kepada semua Pusat Khidmat ADUN.
61. Sememangnya Kerajaan Negeri prihatin akan usaha Ketua-ketua Kampung dalam melaksanakan tugas di kawasan masing-masing. Sebagai menghargai tanggung jawab yang dilaksanakan, bermula pada tahun 2017, Kerajaan Negeri komited untuk membayar elaun-elaun berikut:-
  - a. **RM 200** seorang yang merupakan tambahan elaun kepada 17 orang Ketua Kampung FELDA yang berjumlah **RM 0.04 juta**; dan
  - b. Elaun **RM 800** seorang kepada 7 orang Ketua Kampung India berjumlah **RM 0.07 juta**.

62. Selaras dengan pengumuman Bajet 2017 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Kerajaan Negeri Perak juga akan melaksanakan pemberian bantuan khas kepada pegawai-pegawai Kerajaan sebanyak **RM 500 seorang** yang berjumlah **RM 4.1 juta** dan akan dibayar pada bulan Disember 2016.
63. Sebagai menghargai penjawat awam yang akan bersara pada tahun 2017, Kerajaan Negeri meneruskan penyediaan insentif khas kepada bakal pesara Kerajaan Negeri berjumlah **RM 1.2 juta**.
64. Sebagai tanda penghargaan kepada jabatan dan agensi Kerajaan Negeri yang mendapat **pengiktirafan lima bintang** di dalam **Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan** pada tahun 2016, Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha memberikan insentif **RM 20 ribu** secara *one-off* kepada setiap jabatan dan agensi termasuk Pihak Berkuasa Tempatan. Insentif ini adalah sebagai pemangkin bagi jabatan dan agensi berkenaan untuk meneruskan kecemerlangan dalam pengurusan kewangan mereka.

### Seminar dan Persidangan Antarabangsa

65. Kerajaan Negeri serius untuk mengantarabangsakan Negeri Perak dengan meneruskan penganjuran Persidangan *Pangkor Dialogue* (PIDD), *World Conference on Islamic Thought and Civilization* (WCIT) dan Festival Puisi dan Lagu Rakyat Antarabangsa Pangkor (PULARA) dan lain-lain program.
  
66. Penganjuran program-program ini, membawa impak positif kepada Negeri Perak. Melalui penyertaan pelbagai pihak antarabangsa, ia telah membuka ruang perkongsian maklumat yang boleh dimanfaatkan untuk pembangunan negeri. Di samping itu ia juga turut menggerakkan industri hiliran dan perhotelan. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM 3.0 juta** pada tahun 2017.

**Yang Berhormat Yang Dipertua,**

### **PENDIDIKAN, MODAL INSAN, GENERASI MUDA DAN WANITA**

67. Selaras dengan pembangunan modal insan dan kesejahteraan rakyat, tumpuan khusus kepada pembangunan pendidikan bagi membina generasi masa depan yang lebih berilmu, berdaya saing dan kehidupan berkualiti terus diberi perhatian.

68. Justeru, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah **RM 53.0 juta** bagi tujuan pendidikan. Agihan peruntukan bagi sektor pendidikan adalah seperti berikut:-
- (i) **RM 16.0 juta** bagi Universiti Sultan Azlan Shah (USAS);
  - (ii) **RM 11.0 juta** program Dermasiswa Pendidikan Dalam Negeri;
  - (iii) **RM 6.0 juta** diperuntukkan kepada Kumpulan Wang Biasiswa Melayu dan Bukan Melayu;
  - (iv) **RM 6.0 juta** untuk Program Pembangunan Modal Insan (PPMI);
  - (v) **RM 7.0 juta** bagi Program Pemetaan Minda, Tuisyen Gemilang dan Tuisyen *Online*;
  - (vi) **RM 1.0 juta** Tabung Pendidikan Anak-Anak Kaum India;
  - (vii) **RM 3.0 juta** bagi Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina dan Mubaligh, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil;
  - (viii) **RM 1.5 juta** kepada Asrama Amanjaya Harmoni;
  - (ix) **RM 0.5 juta** program Kecemerlangan Murid Orang Asli;
  - (x) **RM 0.5 juta** untuk Tabung Simpanan Pendidikan Negeri; dan
  - (xi) **RM 0.5 juta** sebagai Bantuan Geran kepada Kelab Guru.

69. Kerajaan Negeri melalui Yayasan Perak akan meneruskan program-program kecemerlangan pendidikan sedia ada. Antaranya:
- (i) Dermasiswa Pendidikan Negeri Perak iaitu bantuan secara *one-off* kepada pelajar-pelajar anak Negeri Perak yang melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi tempatan dalam negara. Sejak 2009 sehingga September 2016, seramai **101,841 orang pelajar** telah menikmati manfaat, dengan bantuan sebanyak **RM 78.1 juta**;
  - (ii) Program Amanjaya Gemilang UPSR dan SPM bagi memperkasa pencapaian akademik pelajar, dengan sasaran berada di kelompok ke-5 tertinggi peringkat kebangsaan; dan
  - (iii) Tabung Pendidikan Amanjaya Negeri Perak, bantuan secara *one-off* berjumlah **RM 200** kepada setiap bayi yang lahir di Negeri Perak tanpa mengira bangsa dan agama. Tabungan permulaan ini akan dimasukkan ke dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) bagi tujuan simpanan pendidikan. Untuk rekod sejak diperkenalkan pada tahun 2010 sehingga September 2016, seramai **12,166 bayi** telah menikmati manfaat, dengan jumlah bantuan **RM 2.4 juta**.

70. Program pemerkasaan generasi muda dan golongan belia akan terus dilaksanakan. Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM 7.95 juta** pada tahun 2017 bagi tujuan tersebut. Agihan peruntukan ini adalah seperti butiran berikut:
- (i) **RM 2.5 juta** bagi program Pusat Kerjaya Amanjaya (PeKA);
  - (ii) **RM 2.0 juta** bagi Program Pengupayaan Generasi Muda;
  - (iii) **RM 1.2 juta** bagi Program Pengupayaan Mahasiswa;
  - (iv) **RM 1.25 juta** untuk program dan aktiviti di bawah *People of Remarkable Talent (PORT)*; dan
  - (v) **RM 1.0 juta** bagi pelaksanaan Dewan Belia Amanjaya.

71. Kerajaan Negeri juga menitik beratkan program pembangunan wanita dan kebajikan di negeri ini. Untuk itu, peruntukan sebanyak **RM 3.0 juta** diteruskan bagi tahun 2017.

**Yang Berhormat Yang Dipertua,**

## **SOSIAL DAN KEAGAMAAN**

72. Kekuatan sesebuah negeri adalah bergantung pada keteguhan integrasi dan perpaduan rakyat di dalamnya. Di samping itu, penghayatan kepada kehidupan beragama juga perlu dipupuk agar wujudnya keharmonian dalam masyarakat Negeri Perak yang mempunyai pelbagai latar belakang.

73. Oleh itu, bagi membolehkan pelbagai program dan aktiviti dilaksanakan, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM 87.37 juta** bagi 20 program untuk tahun 2017 dengan agihan:-
- (i) **RM 10.0 juta** bagi pembinaan baru dan baik pulih masjid serta surau;
  - (ii) **RM 5.0 juta** bagi projek baik pulih Rumah Ibadat Bukan Islam;
  - (iii) **RM 3.5 juta** untuk Hal Ehwal Bukan Islam dan **RM 0.5 juta** bagi Hal Ehwal Kaum Sikh;
  - (iv) **RM 7.5 juta** elauan bagi seramai 3,120 orang guru KAFA;
  - (v) **RM 9.5 juta** elauan bagi 2,644 orang bilal dan siak di 661 buah masjid;
  - (vi) **RM 3.7 juta** bagi program pembangunan Jabatan Agama Islam Negeri;
  - (vii) **RM 6.85 juta** bagi program pembangunan Jabatan Kehakiman Syariah meliputi pembinaan Mahkamah Rendah Syariah Taiping;
  - (viii) **RM 3.0 juta** bagi Sekolah Agama Rakyat;
  - (ix) **RM 20.77 juta** bagi pembinaan Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) di Batang Padang dan Lenggong;
  - (x) **RM 3.0 juta** Skim Khairat Kematian Tabarruk;
  - (xi) **RM 6.0 juta** program Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) & masyarakat sivil;
  - (xii) **RM 1.9 juta** bagi Program Pengupayaan Orang Asli;

- (xiii) **RM 1.75 juta** untuk sukan massa;
- (xiv) **RM 0.5 juta** sukan untuk orang kelainan upaya;
- (xv) **RM 1.0 juta** bantuan tunai semasa perayaan;
- (xvi) **RM 1.0 juta** untuk program dan aktiviti perpaduan;
- (xvii) **RM 1.0 juta** program PIBG;
- (xviii) **RM 0.3 juta** bagi RELA; dan
- (xix) **RM 0.6 juta** program Majlis Kebudayaan Negeri & Daerah.

**Yang Berhormat Yang Dipertua,**

## **JARINGAN INFRASTRUKTUR**

### **Jabatan Kerja Raya**

74. Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM 60.0 juta** pada tahun 2017 bagi tujuan memperkuuhkan infrastruktur di negeri ini. Daripada jumlah tersebut, **RM 31.1 juta** adalah untuk tujuan pembinaan jalan dan jambatan baru, memperelok, melebar dan mengganti jalan masuk ke kawasan perindustrian dan jambatan sedia ada serta rawatan kawasan kemalangan (*blackspot*) dan pencahayaan. Manakala **RM 28.9 juta** pula adalah untuk tujuan penyelenggaraan dan menaik taraf bangunan-bangunan Kerajaan.

### **Jabatan Pengairan dan Saliran**

75. Bagi projek-projek pembangunan pengairan dan saliran yang telah dijalankan sebelum ini, akan diteruskan dan bagi tahun 2017 sebanyak **RM 19.0 juta**, disediakan dengan agihan:-
- (i) **RM 6.4 juta** Rancangan Tebatan Banjir dan Saliran;
  - (ii) **RM 3.5 juta** Rancangan Pengurusan dan Pemuliharaan Sungai;
  - (iii) **RM 2.0 juta** Menaiktaraf Infrastruktur Rancangan Pengairan dan Saliran Pertanian;
  - (iv) **RM 6.5 juta** Pemuliharaan Ban Pantai dan Struktur Kawalan Hakisan; dan
  - (v) **RM 0.6 juta** pelbagai kerja pengukuran, penyiasatan dan pembaikan bangunan milik jabatan.
76. Peningkatan peruntukan sebanyak **RM 3.2 juta** bagi tahun 2017 ini, bertujuan untuk meningkatkan usaha pemuliharaan Ban Pantai dan struktur kawalan hakisan di samping menaik taraf infrastruktur rancangan pengairan dan saliran pertanian.
77. Selain itu, bagi tujuan mengatasi masalah banjir di negeri ini, Kerajaan Persekutuan juga turut meluluskan peruntukan sejumlah **RM 51.0 juta** bagi mengurangkan masalah banjir kilat, yang sering berlaku di beberapa kawasan di sekitar Teluk Intan iaitu dengan

melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir Teluk Intan, yang telah bermula pada tahun 2015 dan akan disiapkan pada tahun 2017.

78. Di bawah peruntukan RMKe-11, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan sejumlah **RM 314.2 juta** bagi Program Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Perak Fasa 1, yang merangkumi Projek-projek Rancangan Tebatan Banjir, Saliran Bandar dan Pemulihan Koridor Sungai. Salah satu projek di bawah peruntukan ini ialah Rancangan Tebatan Banjir Kampong Gajah, yang dilaksanakan pada penghujung 2016 dengan peruntukan sejumlah **RM 50.2 juta**.

**Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Di Bawah Peruntukan Malaysian Road Record Information System (MARRIS)**

79. Bagi tahun 2017, Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan projek-projek penyelenggaraan jalan negeri, jalan bandaran, jalan kampung, jalan pertanian, jalan di kawasan perumahan dan jalan di pulau pelancongan. Bagi tujuan tersebut, dianggarkan sebanyak **RM 470.0 juta** akan dibelanjakan berdasarkan kepada peruntukan yang akan diterima daripada Kerajaan Persekutuan.

### **Bekalan Air**

80. Kerajaan Negeri sentiasa memastikan bekalan air terawat di negeri ini adalah yang terbaik melalui Lembaga Air Perak (LAP). Bagi tahun 2016, projek-projek utama telah dilaksanakan meliputi membaik pulih dan merawat loji, pengalihan paip utama, bekalan air Skim Sungai Kinta, Projek Kuala Kangsar Fasa III, Larut Matang Selama, Manjung Fasa III, Hulu Perak Fasa III, Sistem Agihan Bekalan Air *Greater Ipoh IV* dan pengawalan serta pengurusan *non revenue water (NRW)*.
81. Perancangan tahun 2017 pula telah dirangka secara komprehensif bagi mendepani persekitaran ekonomi dan pembangunan yang semakin mencabar. Peruntukan **RM 91.9 juta** telah disediakan oleh LAP bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan berkenaan.
82. Bantuan bekalan air percuma bagi 20 meter padu sebulan masih diteruskan kepada mereka yang layak. Bantuan subsidi ini telah dilaksanakan sepanjang sembilan tahun dengan kos **RM7.59 juta**, dan 11,371 buah keluarga telah menikmati manfaat bantuan ini sehingga September 2016.

83. Sesungguhnya, rakyat negeri ini perlu bersyukur, kerana tidak pernah diuji dengan masalah bekalan air, seperti mana yang berlaku di sesetengah negeri lain.

### **Perkhidmatan Bandar**

84. Selain daripada projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Kerajaan Negeri turut memperuntukkan sejumlah **RM 3.6 juta** bagi meningkatkan lagi pembangunan infrastruktur, perkhidmatan bandar, kemudahan awam dan kemudahan komersil.

### **Perkhidmatan Jalur Lebar**

85. Penyediaan kemudahan akses jalur lebar dan kualiti perkhidmatan telekomunikasi yang terbaik sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan Negeri. Selain daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri turut memperuntukkan sebanyak **RM 4.0 juta** untuk pengurusan dan pelaksanaan program-program di bawah K-Perak.

**Yang Berhormat Yang Dipertua,**

86. **MENSEJAHTERAKAN KEHIDUPAN RAKYAT** sentiasa menjadi keutamaan dalam pendekatan kerajaan. Hasil serta limpahan manfaat daripada pembangunan negeri, barang sudah pasti perlu dikembalikan kepada rakyat dalam bentuk menyejahterakan kehidupan mereka.

**Sektor Perumahan**

87. Di dalam mengejar pertumbuhan ekonomi yang mapan, Kerajaan Negeri turut melihat peri pentingnya menyediakan rumah yang mampu dimiliki oleh semua golongan masyarakat. Ini adalah bagi merealisasikan hasrat kerajaan, agar semua golongan tidak dipinggirkan dalam usaha menjadikan negeri ini makmur ekonominya.
88. Oleh yang demikian, kerajaan istiqamah dalam meneruskan pelaksanaan program perumahan untuk keperluan rakyat khususnya bagi berpendapatan rendah di dalam Bajet 2017 ini.
89. Program Bantuan Perumahan oleh Kerajaan Negeri melalui Yayasan Bina Upaya (YBU), Skim INFRA bina baru kediaman dan

Skim INFRA baik pulih kediaman telah dilaksanakan bermula tahun 2012. Bagi tahun 2016 sahaja, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak **RM 3.9 juta** yang memberi manfaat kepada 316 penerima, yang menjadikan sehingga kini seramai **1,749 penerima** telah menerima manfaat dengan pecahan seperti berikut:

- (i) 178 penerima bagi bina baru kediaman dengan jumlah keseluruhan perbelanjaan **Tujuh Juta, Sebelas Ribu, Lapan Ratus Dua Puluh Tiga Ringgit (RM 7,011,823)**.
- (ii) 1,571 penerima baik pulih kediaman, dengan perbelanjaan keseluruhan **Sebelas Juta, Tiga Ratus Lapan Puluh Satu Ribu, Lapan Ratus Tiga Belas Ringgit (RM 11,381,813)**.

90. Bagi tahun 2017, Program Bantuan Perumahan ini akan diteruskan oleh Kerajaan Negeri dengan penyediaan peruntukan sebanyak **RM 5.0 juta** yang meliputi Skim INFRA Bina Baru Kediaman dan Skim INFRA Baik Pulih Kediaman.

91. Selain itu, bantuan pinjaman perumahan di bawah Skim Rumah Insan Amanjaya (SRIA) yang diperkenalkan sejak tahun 2012 dengan pinjaman tanpa faedah, akan diteruskan. Sehingga 31 Oktober 2016, seramai **166 orang** menerima rumah SRIA dengan nilai pinjaman **RM 11.4 juta** termasuk kos-kos pengurusan.
92. Pelaksanaan SRIA akan diteruskan oleh Kerajaan Negeri dengan kaedah penyelarasan dan agihan yang lebih teratur. Justeru itu, bagi tahun 2017, program SRIA akan diteruskan dengan peruntukan **RM 10.0 juta**.
93. Dalam Persidangan Dewan Negeri yang lalu Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP) telah diluluskan dan seterusnya LPHP telah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2016. Kerajaan Negeri mengharapkan agar dengan penubuhan LPHP ini, segala urusan mengawal selia, menggalak, menyelaras, memudah cara dan melaksanakan pemajuan perumahan dan hartanah di Negeri Perak khususnya perumahan awam dan rumah mampu milik akan berjalan dengan lancar dan teratur. Untuk itu, sebagai permulaan operasi bagi tahun 2017, Kerajaan Negeri menyediakan sebanyak **RM 6.0 juta** kepada LPHP sebagai geran pengurusan.

94. Peruntukan bagi maksud pembangunan perumahan dan hartanah pula turut disediakan sejumlah **RM 12.0 juta** bagi tahun 2017. Selebihnya, pembangunan akan dirancang berdasarkan peruntukan *Rolling Plan* di bawah MTEN dan akan dibelanjakan berdasarkan keperluan sebenar kelak.
95. Kerajaan Negeri berhasrat untuk merealisasikan perancangan bagi pembinaan 1,200 unit rumah kos rendah yang terbahagi kepada dua kategori rumah yang berharga RM 42,000 dan RM 70,000 seunit, bergantung kepada keluasan binaan rumah. Pembinaan rumah-rumah ini adalah untuk membantu golongan B40 memiliki kediaman sendiri yang selesa.
96. Pihak pemaju dilihat cukup aktif menyediakan rumah-rumah mampu milik di kawasan strategik bagi menampung keperluan semasa. Namun demikian, penyediaan rumah kos rendah masih dilihat kurang mendapat sambutan daripada pemaju.
97. Oleh yang demikian, usaha bagi menggalakkan pembangunan perumahan kos rendah oleh pelbagai pihak, termasuk pemaju perumahan swasta, Kerajaan Negeri mulai tahun hadapan memperkenalkan pemberian insentif yang lebih menarik meliputi insentif dan pengecualian caj seperti berikut:

- a. Pemotongan bayaran premium tanah antara 71% hingga 75% ke atas pembangunan perumahan kos rendah, menjadikannya hanya **RM 100** bagi tiap-tiap unit yang dibangunkan nanti. Insentif ini dilaksanakan berdasarkan kaedah tuntutan semula setelah pembinaan selesai dilaksanakan;
  
- b. Caj pemajuan yang sebelum ini dikenakan 25 peratus telah dikurangkan kepada 10 peratus pada tahun 2015. Namun, atas keprihatinan Kerajaan Negeri, ingin saya umumkan, caj pemajuan ini akan dikurangkan lagi kepada **5 peratus** khusus untuk **pembangunan rumah kos rendah**; dan
  
- c. Kerajaan Negeri juga telah memberi **pengecualian sepenuhnya** bagi tujuh lagi caj yang sebelum ini perlu ditanggung oleh pemaju, iaitu :
  - i. Fi Kebenaran Merancang;
  - ii. Fi Pelan Kerja Tanah;
  - iii. Fi Pelan R&D;
  - iv. Bayaran Papan *Hoarding*;
  - v. Permit Rumah Kongsi;
  - vi. Permit Papan Tanda; serta
  - vii. Pelan Lampu Jalan.

98. Kesemua **insentif dan pengecualian** yang disebutkan ini, adalah dikhkususkan bagi **pembangunan perumahan kos rendah semata-mata**, dan akan dilaksanakan bagi tempoh dua tahun bermula 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2018.
99. Kerajaan berharap dengan insentif ini, ia akan memberikan manfaat kepada semua, demi menjayakan hasrat kerajaan memberi rumah yang selesa dan mampu milik kepada seluruh golongan sasar.

### **Pembasmian Kemiskinan**

100. Mengikut data e-kasih pada 8 November 2016, Negeri Perak berada di kedudukan kelima terbaik daripada 14 buah negeri dari segi bilangan isi rumah miskin iaitu 3,573 isi rumah daripada 75,532 isi rumah di peringkat nasional. Begitu juga bagi kategori miskin tegar, Perak berada di tempat keenam dengan 439 isi rumah berbanding bilangan 141,876 isi rumah di seluruh Malaysia.
101. Bagi tempoh 2015 hingga 2016, sebanyak 245 Ketua Isi Rumah (KIR) telah menerima program bantuan rumah di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) yang melibatkan peruntukan sebanyak RM 3.2 juta, manakala bagi program bantuan ekonomi pula sebanyak RM 8.5 juta telah

dibelanjakan di Negeri Perak yang memberi manfaat kepada 1,115 orang penerima .

102. Selain itu, Kerajaan Negeri sentiasa memberi perhatian dan akan meneruskan usaha pembasmian kemiskinan di negeri ini. Kerajaan Negeri melalui YBU dan lain-lain agensi sentiasa melaksanakan pelbagai program dan inisiatif dari masa ke semasa sebagai melengkapi tuntutan masa kini.
103. Kerajaan Negeri melihat pewujudan Kedai Bergerak 1Amanjaya yang diperkenalkan pada April 2014, sebagai salah satu kaedah bantuan yang di luar kotak. Konsep Kedai Bergerak yang menawarkan barang makanan keperluan asas pada harga kilang dan diberikan pula diskaun harga, adalah salah satu pendekatan penjimatan belanja dapur golongan miskin di luar bandar.
104. Untuk membantu golongan sasar, kerajaan telah menambah 2 buah lori lagi bagi dijadikan sebagai Kedai Bergerak 1Amanjaya. Untuk makluman Dewan, jualan yang telah dicatatkan bagi tahun 2016 (sehingga September) adalah bernilai RM 2.3 juta, meliputi 495 lokasi di seluruh negeri.

105. Untuk tahun 2017, usaha memberi bantuan demi kesejahteraan hidup rakyat terus menjadi agenda utama Kerajaan Negeri dengan agihan peruntukan seperti berikut:
- a. **RM 0.75 juta** Kedai Bergerak 1Amanjaya; dan
  - b. **RM 5.0 juta** bagi Program Bantuan Ikhlas Bina Upaya dan Program Bantuan Imarah Bina Upaya.
106. Golongan miskin, warga tua dan anak-anak yatim juga tidak tertinggal dalam mendapat manfaat daripada Bajet 2017 ini. Untuk itu, sejumlah **RM 30.04 juta** diperuntukkan dengan agihan seperti berikut:
- a. **RM 28.89 juta** untuk Bantuan Am Kebajikan;
  - b. **RM 1.0 juta** bantuan kepada Pusat Jagaan Anak-anak Yatim; dan
  - c. **RM 0.15 juta** bantuan kepada Pusat Jagaan Warga Tua yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

### **Keselamatan**

107. Dalam aspek keselamatan pula, Kerajaan Negeri pada tahun 2017 meneruskan penyediaan peruntukan sebanyak:
- **RM 1.0 juta** untuk usaha pencegahan jenayah; dan
  - **RM 1.5 juta** untuk pembanterasan najis dadah.

## **Pengangkutan Awam**

108. Kerajaan Negeri turut prihatin akan kemudahan pengangkutan awam di Negeri Perak. Untuk itu, bantuan sejumlah **RM 2.5 juta** masih diperuntukkan, bagi memastikan kemudahan pengangkutan awam dapat disediakan biarpun di kawasan yang tidak memberi pulangan ekonomi kepada pengusaha.

**Yang Berhormat Yang Dipertua,**

## **Rasional dan Justifikasi Kewangan**

109. Belanjawan yang dibentangkan ini melibatkan peruntukan berjumlah **satu bilion, dua ratus lapan juta, lima puluh tiga ribu ringgit (RM 1,208,053,000)** yang dibiayai oleh anggaran hasil dan terimaan pembangunan berjumlah **satu bilion, tujuh puluh lapan juta, tiga ratus tujuh puluh tiga ribu, lapan ratus tiga puluh empat ringgit (RM 1,078,373,834)** dengan anggaran defisit sebanyak **RM 129.68 juta.** Peningkatan anggaran belanjawan defisit yang agak besar ini adalah disebabkan peruntukan *Rolling Plan* kepada MTEN sebanyak RM 100.0 juta. Sekiranya tidak mengambil kira caruman ini, defisit belanjawan adalah sekitar RM 29.68 juta sahaja.

110. Daripada jumlah belanjawan berkenaan, sejumlah **RM 806.28 juta** adalah bagi maksud perbelanjaan mengurus (**66.74 peratus**) manakala sebanyak **RM 401.77 juta** diperuntukkan bagi tujuan pembangunan, (**33.26 peratus**).

**Yang Berhormat Yang Dipertua,**

111. Semoga pembentangan Bajet 2017 yang bermatlamatkan Pertumbuhan dan Kesejahteraan ini, akan beroleh keberkatan dan dilimpahi kerahmatan.

112. Kepada Allah dipohon agar kita semua diberikan kekuatan dalam memastikan manfaat Bajet 2017 benar-benar dinikmati oleh rakyat keseluruhannya. Marilah kita sama-sama bahu membahu menjayakan hasrat murni Bajet ini.

113. Selaku kerajaan yang bertanggungjawab dan sesuai dengan amanah rakyat:

**Belanjawan Negeri Saya Persembahkan**

**Dukungan Semua Amat Didambakan**

**Moga Allah Limpahkan Perkenan**

**Rakyat Sejahtera Negerinya Aman**

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon mencadang.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufiq      Walhidayah,      Wassalamualaikum      Warahmatullahi

Wabarakatuh